

SOALAN NO. : 40

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]

TARIKH : 26 Okt 2015

RUJUKAN : DR017

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina tebatan banjir di sepanjang Sungai Golok memandangkan negara jiran Thailand hampir siap membinanya dan memberi kesan yang buruk kepada kawasan di persempadanan negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon peruntukan dalam RMKe-10 bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok Fasa I yang berjumlah RM345 juta namun ianya tidak diluluskan. JPS telah memohon semula peruntukan ini dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, kelulusan ini masih tertakluk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU).